

## FAQ eDOLA 2021

1. Berapakah kategori yang dipertandingkan untuk eDOLA 2021?

**2 kategori sahaja iaitu ShouT! Challenge untuk peserta dari Politeknik dan VLOG Challenge 2.0 untuk peserta dari Kolej Komuniti.**

INSTITUSI	POLITEKNIK (ShouT!Challenge)	KOLEJ KOMUNITI (VLOG Challenge 2.0)
Kriteria 1	Pelaporan bertulis (PDF) – 20%	Pelaporan bertulis (PDF) – 20%
Kriteria 2	Pembangunan saluran YouTube baharu – 20% <i>(ShouT!TVET)</i> <i>SHARING OF YOUR TOPICS</i>	Saluran YouTube institusi – 30%
Kriteria 3	1 VIDEO PELAPORAN – 20% 1 VIDEO PdP – 20%	2 VLOG & 1 Teaser – 50%
Kriteria 4	1 eBOOK PdP– 20%	

2. Berapa ramaikah pesereta dibenarkan untuk berdaftar di dalam satu-satu kumpulan?

**10 Orang sahaja termasuk TP masing-masing. E-Sijil akan diberikan kepada para peserta di dalam kumpulan.**

3. Bilakah tarikh mula untuk memuatnaik bahan pertandingan eDOLA 2021 di laman sesawang <https://edola.cidos.edu.my/> ?

**Penyertaan untuk muat naik bahan akan dibuka pada 15 Jun 2021-15 Ogos 2021.**

4. Bilakah tarikh pengumuman pemenang untuk pertandingan eDOLA 2021?

**Setakat ini tarikh yang dicadangkan adalah pada 28 Oktober 2021. Namun begitu, tarikh majlis eDOLA ini tertakluk dengan situasi semasa pandemic dan pelaksanaan PKP.**

5. Adakah YouTube baharu untuk memuatnaik bahan video PdP perlu dibuka oleh setiap institusi?

**Ya, kriteria ini adalah wajib untuk memudahkan proses penilaian. Hanya video PdP sahaja yang dimuat naik di dalam YouTube baharu, manakala video pelaporan kekal dimuatnaik di laman YouTube sedia ada.**

6. Berapa banyakkah eBOOK yang perlu dihantar untuk penyertaan eDOLA 2021?

Hanya satu (1) sahaja penyertaan eBOOK yang terbaik perlu dihantar untuk penilaian eDOLA 2021. Penilaian ini boleh dibuat di peringkat institusi masing-masing sebelum dimuat naik di dalam laman sesawang <https://edola.cidos.edu.my/>.

7. Adakah poster dalam mempromosikan bahan PdP perlu di dalam penghasilan laporan pdf?

Ya, institusi perlu menyediakan tiga (3) poster dalam usaha mempromosikan bahan PdP yang dihasilkan itu. Poster ini perlu dimasukkan di dalam pelaporan pdf, dan juga dimuat naik dalam <https://edola.cidos.edu.my/> dalam format pdf.

8. Siapakah bertanggungjawab dalam urusan hakcipta eISBN eBOOK institusi?

Urusan pendaftaran hakcipta eBOOK terbitan institusi adalah tanggungjawab penulis beserta institusi sebelum dihantar kepada BIPD.

9. Apakah perbezaan penulisan kreatif dan penulisan akademik?

Di dalam konteks penulisan eBOOK ini, pihak BIPD membezakan kedua-dua kaedah penulisan buku ini dengan cara pendekatan penulis eBOOK menyampaikan kandungan PdP mereka.

Penulisan kreatif menggunakan banyak grafik dan pendekatan santai dalam menyampaikan bahan PdP, manakala penulisan akademik cara penulisannya adalah lebih kepada penulisan teori yang tidak menggunakan grafik yang banyak.

10. Berapa orangkah penulis dibenarkan untuk satu eBOOK yang diterbitkan?

**3 orang penulis sahaja.**

*\*Merujuk kepada buku manual penulisan , kriteria kenaikan pangkat oleh BKPK.*

11. Bagaimanakah Kolej Komuniti ingin mendapatkan garis panduan penghasilan VLOG yang berkualiti?

Pihak BIPD telah menyediakan garis panduan ini untuk rujukan warga Kolej Komuniti. Garis panduan tersebut akan diedarkan dalam masa terdekat ini melalui Encik Akashah Arshad.

12. Sekiranya saya mempunyai masalah dan tidak jelas berkenaan pertandingan eDOLA 2021 ini, dengan siapakah perlu saya berhubung?

Anda boleh merujuk dengan sesiapa sahaja pegawai yang ada di BIPD dibawah Unit Pembelajaran Digital (UPD).